



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**SATU KAJIAN KESALAHAN UMUM PENGGUNAAN BAHASA  
MALAYSIA PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH**

**AWANG BIN MOHAMAD AMIN**

**FPP 1982 2**

SATU KAJIAN KESALAHAN UMUM  
PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA  
PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

oleh

AWANG BIN MOHAMAD AMIN

Sebuah tesis dikemukakan bagi memenuhi sebahagian  
daripada syarat-syarat untuk ijazah Master Sains  
(Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama)

di Universiti Pertanian Malaysia

Februari, 1982



### PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak di Universiti Pertanian Malaysia terutamanya kakitangan akademik di Fakulti Pengajian Pendidikan dan Jabatan Bahasa yang telah memberikan kerjasama, dorongan dan bimbingan yang sangat diperlukan oleh penulis; khasnya Profesor Atan bin Long yang telah memberikan bimbingan khusus kepada penulis dalam aspek-aspek yang berhubung dengan penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Terima kasih dan penghargaan dituju kepada semua pihak di luar kampus Universiti Pertanian Malaysia yang telah memberikan berbagai sumbangan fikiran dan perkhidmatan yang sangat diperlukan oleh penulis; khasnya Encik Azman Wan Chik dan Cik Hyacinth Gaudart di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan Dr Hussein Haji Ahmad di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Akhirnya dirakamkan pula ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Guru Besar, Guru Mata Pelajaran Bahasa Malaysia dan semua Pelajar Tingkatan Empat di sekolah-sekolah yang terlibat dengan penyelidikan yang telah dijalankan oleh penulis. Nama sekolah-sekolah tersebut ada tercatat di dalam tesis ini.

Senarai Kandungan

	Halaman
Penghargaan .....	iii
Senarai Kandungan .....	iv
Daftar Jadual, Carta dan Peta .....	viii
Abstrak (dalam Bahasa Malaysia) .....	xi
Abstract (in English) .....	xiv

**BAB I****PENGENALAN**

Iatarbelakang Masalah .....	1
Pernyataan Masalah .....	5
Pentingnya Kajian .....	29
Objektif Kajian .....	31
Pembatasan Kajian .....	32
Definisi Operasional .....	35
Hipotesis .....	45

**BAB II****TINJAUAN TERHADAP KAJIAN YANG BERKAITAN**

Sejarah Ringkas Bahasa Malaysia .....	47
Tatabahasa Bahasa Malaysia .....	51
Konsep Bahasa Malaysia Standard .....	55
Konsep Kesalahan Bahasa .....	58

Halaman

Beberapa Kajian Mengenai Kesalahan Bahasa .....	63
Konsep KATA dan AYAT .....	71
Rangka Teori Mengenai Kesalahan Bahasa .....	77

BAB III

KAEDAH DAN PROSEDUR PENYELIDIKAN

Contohan .....	81
Kaedah dan Prosedur .....	82
Ujian Awal dan Ujian Akhir .....	86
Soalselidik .....	88
Analisis Data .....	89

BAB IV

KEPUTUSAN PENYELIDIKAN

Kekerapan Kesalahan KATA Bagi Ujian Awal dan Ujian Akhir .....	91
Kekerapan Kesalahan AYAT Bagi Ujian Awal dan Ujian Akhir .....	97
Kekerapan KESALAHAN BAHASA Bagi Ujian Awal dan Ujian Akhir .....	103
Perbandingan Kekerapan KESALAHAN BAHASA Bagi Kumpulan-Kumpulan Contohan Menurut Jantina dan Lokasi .....	106

## Halaman

Pertalian Di Antara Kekerapan KESALAHAN BAHASA dan Pelaksanaan PEMBELAJARAN BAHASA .....	111
--	-----

## BAB V

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN .....	113
---	-----

## PERBINCANGAN

Kekerapan Kesalahan KATA dan Jenis-jenisnya .....	114
Kekerapan Kesalahan AYAT dan Jenis-jenisnya .....	137
Kekerapan KESALAHAN BAHASA .....	159
Kekerapan KESALAHAN BAHASA dan Pertaliannya dengan Pelaksanaan PEMBELAJARAN BAHASA .....	171
CADANGAN .....	174
KESIMPULAN .....	179
BIBLIOGRIFI .....	186
LAMPIRAN A Ujian Awal Bahasa Malaysia .....	199
B Ujian Akhir Bahasa Malaysia .....	200
C Soalselidik Mengenai Pelaksanaan Pembelajaran Bahasa Malaysia .....	201
Keterangan Mengenai Perkataan Yang Diringkaskan Dalam Lampiran- Lampiran D - F .....	217

## Halaman

<b>LAMPIRAN D Kekerapan Kesalahan KATA</b>	
<b>Tiap-tiap Subjek untuk</b>	
<b>Ujian Awal dan Ujian Akhir .....</b>	<b>218</b>
<b>E Kekerapan Kesalahan AYAT</b>	
<b>Tiap-tiap Subjek untuk</b>	
<b>Ujian Awal dan Ujian Akhir .....</b>	<b>222</b>
<b>F Kekerapan KESALAHAN BAHASA</b>	
<b>bagi Tiap-tiap Subjek untuk</b>	
<b>Ujian Awal dan Ujian Akhir .....</b>	<b>226</b>
<b>G Markat Soalselidik Mengenai</b>	
<b>Pelaksanaan Pembelajaran Bahasa Malaysia</b>	
<b>bagi Tiap-tiap Subjek dalam</b>	
<b>Contohan ( N = 120 ) .....</b>	<b>230</b>
<b>H Bahan Pengajaran Tatabahasa</b>	
<b>Peringkat Morfologi .....</b>	<b>231</b>
<b>I Bahan Pengajaran Tatabahasa</b>	
<b>Peringkat Sintaksis .....</b>	<b>235</b>
<b>BIODATA PENULIS .....</b>	<b>242</b>

Daftar Jadual, Carta dan Peta

Jadual	Halaman
1.1 Peratus Pencapaian Purata Pelajar Melayu dan Cina dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia, Peperiksaan SPM 1975-1977, Semenanjung Malaysia .....	21
3.1 Pembahagian Subjek Mengikut Kumpulan-Kumpulan Contohan .....	82
3.2 Pembahagian Pelajar-Pelajar Melayu Tingkatan Empat (Rumpunan) Menurut Jantina dan Lokasi .....	85
4.1 Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan KATA dan Jenis-jenisnya bagi Ujian Awal, Mengikut Kumpulan-Kumpulan Contohan .....	93
4.2 Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan KATA dan Jenis-jenisnya bagi Ujian Akhir, Mengikut Kumpulan-Kumpulan Contohan .....	94
4.3 Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan KATA Yang Dipuratakan Daripada Jumlah Kekerapan Kesalahan KATA dalam Ujian Awal dan Ujian Akhir ...	95
4.4 Kedudukan Kekerapan Kesalahan KATA dan Jenis- jenisnya Yang Dipuratakan Daripada Data dalam Ujian Awal dan Ujian Akhir, Menurut Kumpulan-Kumpulan Contohan .....	96
4.5 Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan AYAT dan Jenis-jenisnya bagi Ujian Awal, Mengikut Kumpulan-Kumpulan Contohan .....	99

Jadual	Halaman
<b>4.6 Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan AYAT dan Jenis-jenisnya bagi Ujian Akhir, Mengikut Kumpulan-Kumpulan Contohan .....</b>	<b>100</b>
<b>4.7 Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan AYAT Yang Dipuratakan Daripada Jumlah Kekerapan Kesalahan AYAT dalam Ujian Awal dan Ujian Akhir ...</b>	<b>101</b>
<b>4.8 Kedudukan Kekerapan Kesalahan AYAT dan Jenis-jenisnya Yang Dipuratakan Daripada Data dalam Ujian Awal dan Ujian Akhir, Menurut Kumpulan-Kumpulan Contohan .....</b>	<b>102</b>
<b>4.9 Ringkasan Jumlah Kekerapan KESALAHAN BAHASA Yang Dipuratakan Daripada Jumlah Kekerapan KESALAHAN BAHASA dalam Ujian Awal dan Ujian Akhir .....</b>	<b>105</b>
<b>4.10 Ringkasan Hasil Pengiraan ANOVA 2 x 2 .....</b>	<b>107</b>
<b>4.11 Keputusan Pengiraan 'Post-hoc' Di Antara Pasangan-Pasangan Kumpulan Contohan Yang Diperbandingkan .....</b>	<b>109</b>
<b>4.12 Pertalian Di Antara Kekerapan KESALAHAN BAHASA dengan Pelaksanaan PEMBELAJARAN BAHASA Menurut Kumpulan-Kumpulan Contohan .....</b>	<b>112</b>
 <b>Carta</b>	
<b>1.1 Peringkat-Peringkat Pendidikan Formal Di Malaysia Pada Tahun 1980 .....</b>	<b>25</b>
<b>1.2 Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Malaysia Selepas Malaysia Mencapai Kemerdekaannya .....</b>	<b>26</b>

Carta	Halaman
<b>2.1 Tatatingkat Peringkat KATA dan AYAT .....</b>	<b>72</b>
Peta	
<b>1.1 Peta Negeri Selangor (Tempat Kajian).....</b>	<b>37</b>
<b>1.2 Peta Wilayah Persekutuan (Tempat Kajian) .....</b>	<b>39</b>

ABSTRAK

Kajian ini telah cuba mengumpulkan data mengenai kesalahan umum penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama di kalangan pelajar-pelajar Melayu peringkat sekolah menengah atas. Kajian ini juga cuba mengumpulkan data, melalui soalselidik, mengenai cara pelajar-pelajar Melayu belajar Bahasa Malaysia di peringkat seperti yang tersebut di atas.

Kajian ini telah memilih 120 orang pelajar sebagai contoh melalui proses pencontohan rawak secara bersusun-lapis berdasarkan rumupunan seramai 908 orang pelajar Melayu Tingkatan Empat, lelaki dan perempuan, di empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan: dua di Wilayah Persekutuan, yang diistilahkan sebagai sekolah bandar, dan dua lagi adalah di negeri Selangor, yang diistilahkan sebagai sekolah desa. Contohan telah dibahagi kepada empat kumpulan, tiap-tiap satunya mengandungi 30 orang pelajar, yang dikenal sebagai lelaki bandar, perempuan bandar; lelaki desa dan perempuan desa.

Semua pelajar dalam rumpunan telah diminta menulis karangan dalam Bahasa Malaysia, setiap pelajar dikehendaki menulis sebuah karangan untuk Ujian Awal dan sebuah lagi untuk Ujian Akhir. Ujian Awal telah dijalankan dalam bulan Mei, 1981; diikuti oleh Ujian Akhir yang dijalankan dalam bulan Jun, 1981.

Soalselidik telah diberikan kepada semua pelajar dalam rumpunan iaitu selepas Ujian Akhir. Hanya 120 karangan bagi Ujian Awal, 120 buah karangan bagi Ujian Akhir, dan, 120 soalselidik dipilih secara rawak berdasarkan pemadanannya dengan tiap-tiap pelajar yang ada dalam senarai contohən.

Karangan yang terpilih dari kedua-dua ujian telah dibaca oleh penulis dan dengan itu kekerapan KESALAHAN BAHASA yang mengandungi kekerapan kesalahan KATA dan AYAT iaitu lapan jenis kesalahan KATA dan lapan jenis kesalahan AYAT, telah didapati. Soalselidik yang terpilih telah dimarkatkan dan dikenal dengan MARKAT SOALSELIDIK. Memandangkan terdapat pertalian ( $r = 0.797$ ) yang menunjukkan satu darjah kebolehpercayaan yang tinggi di antara data dalam Ujian Awal dan Ujian Akhir maka data bagi kedua-dua ujian itu telah dipuratakan untuk tujuan semua analisis dalam kajian ini.

Analisis terhadap kesalahan KATA menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan IMBUHAN didapati paling tinggi manakala analisis terhadap kesalahan AYAT menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan AYAT BERLAFIS didapati paling tinggi. Analisis terhadap KESALAHAN BAHASA menunjukkan bahawa pelajar bandar lebih banyak melakukan kesalahan daripada pelajar desa; dan, pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan daripada pelajar perempuan.

Keputusan ANOVA  $2 \times 2$  terhadap KESALAHAN BAHASA, menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada paras .01 di kalangan empat kumpulan pelajar iaitu baik dari segi jantina mahupun dari segi lokasi. Keputusan analisis 'Post-hoc' terhadap KESALAHAN BAHASA, menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada paras .01 di antara kumpulan contohan: lelaki bandar dan lelaki desa; perempuan bandar dan perempuan desa; dan, lelaki bandar dan perempuan desa. Analisis pertalian, menggunakan formula asas Pearson, menunjukkan bahawa terdapat pertalian yang signifikan pada paras .01 di antara KESALAHAN BAHASA dengan MARKAT SOALSELIDIK ( $r = 0.724$ ). Semua keputusan yang tersebut di atas telah menolak hipotesis utama kajian ini yang telah dinyatakan secara hipotesis tak-beza.

Himpunan data yang didapati untuk kajian ini mungkin dapat menggambarkan kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu di peringkat sekolah menengah atas iaitu tentang masalah mereka untuk menguasai Bahasa Malaysia, sebagai bahasa pertama, melalui penggunaan formal (bahasa tulisan). Kekerapan kesalahan yang tinggi pada aspek-aspek tertentu dalam Bahasa Malaysia, di samping masalah perbezaan kekerapan KESALAHAN BAHASA di kalangan pelajar-pelajar itu, menurut jantina dan lokasi, adalah menunjukkan wujudnya masalah-masalah dalam pengajaran Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama; yang memerlukan pertimbangan yang teliti khasnya oleh guru-guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah atas.

ABSTRACT

This study attempted to collect data on common errors made by Malay students in their usage of Bahasa Malaysia as a first language at upper secondary school level. This study also attempted to collect data, by means of questionnaire, on how Malay students learned Bahasa Malaysia at the aforesaid level of education.

This study selected 120 students for its samples through a stratified random sampling based on a population of 908 Form Four Malay students of both sexes in four Malay Medium (Upper) Secondary Schools, two in the Federal Territory which were termed as the urban schools and two in the State of Selangor which were termed as the rural schools. The samples were divided into four groups with 30 students in each group. They were known as the urban boys, the urban girls; the rural boys and the rural girls.

All students in the population were asked to write essays in Bahasa Malaysia, each student had to write an essay for the first test and another essay for the second test. The first test was held in May, 1981 and followed by the second test which was held in June, 1981. The questionnaires were distributed to all students in the population immediate-

ly after the second test. Only 120 essays from the first test, 120 essays from the second test and 120 questionnaires; all from the same samples, were selected randomly to correspond with every student listed in the samples.

Selected essays from both tests were read by the author and frequencies of the common errors or the LANGUAGE ERRORS which contained frequencies of WORD and SENTENCE errors, were obtained. Frequencies of WORD and SENTENCE errors contained sixteen aspects of errors, eight of them belonged to WORD and the remainder belonged to SENTENCE. Selected questionnaires were quantified and scores for every student in the samples were obtained and termed as the QUESTIONNAIRE'S SCORE. Considering that there was a high correlation ( $r = 0.797$ ) which indicated a high degree of reliability between the two tests, data of the first and the second test were combined and averaged for use in all analyses in this study.

Analysis on frequencies of WORD errors showed that errors in AFFIXES were the highest. Analysis on frequencies of SENTENCE errors showed that errors in COMBINED SENTENCES were the highest. Analysis on frequencies of the LANGUAGE ERRORS showed that the urban students made more errors than the rural students. The same analysis showed that the boys made more errors than the girls.

Result of the ANOVA 2 x 2 on the LANGUAGE ERRORS showed that there were significant differences at .01 level among four groups of the students with regard to their sexes and their schools' locations. Post-hoc analysis on the LANGUAGE ERRORS showed that there were significant differences at .01 level between the urban boys and the rural boys; between the urban girls and the rural girls; and, between the urban boys and the rural girls. Correlation analysis using the Pearson's basic formula, showed that there was a high correlation at .01 level ( $r = 0.724$ ) between the LANGUAGE ERRORS and the QUESTIONNAIRE'S SCORE. With these findings, all the main null hypotheses for this study were thus rejected.

This study had collected a set of data which would possibly depicted the difficulties faced by the Malay students in their formal usage (written) of Bahasa Malaysia as a first language at upper secondary school level. The high frequencies of errors in certain aspects of Bahasa Malaysia which were made by most of the students in the samples and the existence of differences of errors and frequencies, by different sexes and locations, could be inferred that there were problems in the teaching of Bahasa Malaysia as a first language to Malay students at the aforesaid level of education. These problems required prudent attention from the teachers concerned.

## BAB I

### PENGENALAN

#### LATAR BELAKANG MASALAH

Sejarah pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia, nama dahulunya ialah bahasa Melayu, adalah selari dengan sejarah ke-merdekaan negara Malaysia. Sebagai sebuah negara merdeka, Malaysia mempunyai perlembagaan dan kedaulatannya. Di dalam Perlembagaan Malaysia, Artikel 152 (1), terdapat satu ketetapan yang menyebut bahawa "Bahasa Kebangsaan bagi negara Malaysia ialah bahasa Melayu". Bertolak dari ketetapan itulah maka kerajaan Malaysia telah bertindak melaksanakan satu dasar pendidikan kebangsaan yang telahpun dirancangkan, yang mengarah kepada pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang ras, melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut di sekolah-sekolah.

Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1979 (akan disebut "Laporan 1979"), tahap permulaan pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah bantuan kerajaan telahpun bermula dalam tahun 1957 iaitu setelah Malaysia diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka pada

31hb. Ogos, 1957. Mengenai taraf Malaysia sebelum kemerdekaannya, Zainal Abidin Wahid (1980) telah menyatakan, "...sebelum 31hb. Ogos, 1957 Malaysia yang pada masa itu dikenal dengan nama Persekutuan Tanah Melayu, adalah sebuah tanah jajahan Inggeris". Keterangan itu dapat diertikan bahawa pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia di semua jenis dan peringkat sekolah hanya baharu dimulakan setelah Malaysia mencapai kemerdekaannya dalam tahun 1957. Kesimpulan ini adalah sesuai dengan keterangan yang telah dinyatakan dalam Laporan 1979 seperti yang telah disebut di atas. Hal ini diperkuatkan pula oleh keterangan Mohd. Hilmi (1978) yang menyatakan bahawa sistem pendidikan di Malaysia pada zaman penjajahan Inggeris sehingga menjelang tarikh kemerdekaan Malaysia ialah "...sistem empat aliran bahasa pengantar iaitu Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil". Beliau seterusnya telah menegaskan bahawa sistem pendidikan yang serupa itu telah tidak berjaya menyatukan penduduk Malaysia yang berbilang ras sebaliknya telah memisah-misahkan mereka melalui sekolah-sekolah yang dihadiri oleh pelajar-pelajar menurut kaum: sekolah Melayu untuk pelajar Melayu, sekolah Cina untuk pelajar Cina dan sekolah Tamil untuk pelajar India yang kebanyakannya penutur bahasa Tamil. Menurut beliau lagi, walaupun sekolah-sekolah Inggeris dihadiri oleh semua kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain; tetapi peluang untuk masuk belajar di sekolah-sekolah Inggeris adalah tipis bagi rakyat biasa kerana penjajah Inggeris telah mengamalkan dasar pilih kasih: pelajar-pelajar yang diterima

belajar di sekolah Inggeris kebanyakannya terdiri daripada anak-anak bangsawan dan golongan atasan yang tinggal di bandar-bandar. Ini adalah kerana sekolah-sekolah Inggeris didirikan di bandar-bandar yang merupakan pusat ekonomi penjajah Inggeris. Orang Melayu yang kebanyakannya tinggal di desa telah kehilangan peluang untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah Inggeris. Oleh itu mereka kebanyakannya menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah Melayu yang hanya terbatas pada peringkat pendidikan rendah sahaja.

Masalah yang telah disebutkan di atas telah memperlihatkan bahawa penduduk Malaysia adalah terdiri daripada berbagai ras. Menurut Joginder Singh Jessy (1964), masalah penduduk Malaysia yang berbilang ras, khasnya di Semenanjung Malaysia, ada hubungannya dengan sejarah kedatangan dan campur tangan Inggeris di negeri-negeri Melayu pada penghujungan abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh Masihi. Penjajah Inggeris telah membentarkan kemasukan orang-orang Cina dan India untuk tujuan politik dan ekonomi mereka. Apabila lombong-lombong bijih timah dan ladang-ladang getah dibuka maka bilangan orang-orang Cina dan India kian meningkat dari masa ke masa. Mereka kebanyakannya merebut peluang tinggal di bandar-bandar untuk menjalankan perniagaan. Sebilangan orang Cina tinggal di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan lombong-lombong bijih timah dan orang India

pula tinggal di ladang-ladang getah kepunyaan Inggeris, sebagai buruh. Kebanyakan orang Melayu tinggal di desa. Menurut Education In Malaysia 1980 (1980), Inggeris terpaksa mengadakan satu sistem pendidikan "empat jenis sekolah" itu adalah bertujuan untuk memenuhi kehendak semua kumpulan penduduk Melayu, Cina, India (Tamil) dan lain-lain.

Masalah penduduk Malaysia yang berbilang ras itulah yang telah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pelajaran, 1956 yang telah merancang pembentukan satu dasar pendidikan kebangsaan bagi negara Malaysia yang merdeka. Jawatankuasa tersebut akhirnya telah menghasilkan sebuah laporan yang dikenal sebagai "Laporan Razak, 1956". Hal ini ada disebutkan di dalam Laporan 1979 yang tugasnya adalah "...untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan sekarang". Ibrahim Saad (1981) berpendapat bahawa "sistem pelajaran kebangsaan sekarang adalah merujuk kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan" yang berpuncakan Laporan Razak, 1956.

Laporan Razak, 1956 itu telah disiapkan pada masa Malaysia masih di bawah jajahan Inggeris tetapi menurut Li Chuan Siu (1967), sejak pertengahan tahun 1955 Malaysia telah diberikan hak menentukan corak pemerintahannya iaitu sebagai persediaan untuk mengisi kemerdekaannya. Oleh itu Laporan Razak, 1956

itu adalah merupakan satu perancangan pendidikan yang julung-julung kali pernah diadakan untuk mengisi kemerdekaan Malaysia.

#### PERNYATAAN MASALAH

Laporan Razak, 1956 itu mengandungi syor-syor yang antara lainnya ialah (1) Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa Melayu hendaklah dijadikan mata pelajaran wajib di semua peringkat dan di semua jenis sekolah bantuan kerajaan; (2) Semua sekolah bantuan kerajaan hendaklah menggunakan nama 'Umum' dan 'Jenis Umum' iaitu sekolah-sekolah Melayu menjadi 'Sekolah Umum' pengantar bahasa Melayu; sekolah-sekolah Inggeris menjadi 'Sekolah Jenis Umum Inggeris' rendah dan menengah, pengantar bahasa Inggeris; sekolah-sekolah Cina menjadi 'Sekolah Jenis Umum Cina' rendah dan menengah, pengantar bahasa Cina; dan sekolah-sekolah Tamil menjadi 'Sekolah Jenis Umum Tamil' rendah dan menengah, pengantar bahasa Tamil; (3) Sekolah Umum hendaklah diadakan peringkat pendidikan menengahnya, pengantar bahasa Melayu, dinamakan 'Sekolah Menengah Umum'; dan (4) Semua sekolah, sama ada sekolah bantuan kerajaan atau sekolah persendirian hendaklah diaftarkan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan mengenai had umur pelajar-pelajar yang belajar sepenuh masa yakni pendidikan formal. Syor-syor dalam Laporan Razak, 1956 itu kemudiannya dijadikan asas Ordinan Pelajaran, 1957 yang mempunyai

bidang kuasa perundangan yang meliputi semua negeri dan wilayah dalam Malaysia.

Seksyen 3, Ordinan Pelajaran, 1957 ('Education Ordinance, 1957') telah menyatakan bahawa dasar pendidikan kebangsaan bagi negara Malaysia, yang pada masa itu dikenal dengan namanya dalam bahasa Inggeris 'Federation of Malaya', adalah seperti berikut:

"The educational policy of the Federation is to establish a national system of education acceptable to the people as a whole...with the intention of making the Malay language the national language of the country..."

Petikan di atas telah menyatakan, objektif dasar pendidikan bagi negara Malaysia ialah "hendak menubuhkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang diterima oleh rakyat secara keseluruhan" dengan hasrat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara. Dasar yang demikian itu adalah berbeza sama sekali dengan dasar pendidikan penjajah Inggeris yang bertujuan memisah-misahkan rakyat menurut kaum. Dasar pendidikan kebangsaan seperti yang telah dinyatakan di atas akan menggunakan bahasa Melayu sebagai alat untuk menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang ras melalui pendidikan di sekolah. Hal

ini dapat diperhatikan pada objektif jangka panjang dasar pendidikan kebangsaan, yang pada masa ini dikenal sebagai Dasar Pelajaran Kebangsaan, seperti yang terkandung di dalam mukadimah Ordinan Pelajaran, 1957 yang telah memetik daripada kandungan Laporan Razak, 1956, iaitu,

"The ultimate objective of educational policy in this country must be to bring together the children of all races under a national educational system in which the national language is the main medium of instruction, though we recognise that progress towards this goal cannot be rushed and must be gradual".

Petikan di atas telah menegaskan bahawa bahasa Melayu, sebagai bahasa kebangsaan, akan dijadikan bahasa pengantar utama secara berangsur-angsur. Hal ini dapat difahamkan bahawa pelaksanaan ke arah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah hendaklah dijalankan secara bertahap-tahap. Tahap pertamanya ialah menjadikan bahasa itu mata pelajaran wajib di semua jenis dan peringkat sekolah bantuan kerajaan seperti yang telah dinyatakan dalam Laporan 1979 itu.

Pelaksanaan syor-syor dalam Laporan Razak seperti yang telah diperuntukkan, melalui undang-undang, dalam Ordinan Pelajaran, 1957 itu telah dikaji semula oleh sebuah jawatankuasa

"The Education Review Committee" yang akhirnya menghasilkan sebuah laporan yang berjudul "The Report of the Education Review Committee, 1960" yang dikenal sebagai "Laporan Rahman Talib".

Laporan Rahman Talib (1960) telah mengkaji semua syor yang telah dikemukakan dalam Laporan Razak, 1956 dan melihat sejauh mana syor-syor itu telah dilaksanakan melalui kuatkuasa undang-undang, Ordinan Pelajaran, 1957 itu. Selain daripada mengkaji semula syor-syor dan pelaksanaan Laporan Razak, 1956 itu, Laporan Rahman Talib juga telah mengemukakan syor-syor lain.

Mengenai syor Laporan Razak, 1956 untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib di semua jenis dan peringkat sekolah bantuan kerajaan, Laporan Rahman Talib telah mengesyorkan supaya diadakan dua jenis sekolah sahaja iaitu "sekolah bantuan kerajaan", rendah dan menengah; dan "sekolah persendirian", rendah dan menengah. Hanya sekolah bantuan kerajaan sahaja yang berhak menerima bantuan kewangan, pengurusan dan tenaga pengajar daripada peruntukan wang awam manakala sekolah-sekolah persendirian tidak berhak sama sekali mendapatkan kemudahan tersebut. Langkah tersebut adalah untuk menentukan perlaksanaan penggunaan bahasa Melayu berjalan dengan lancar menurut perancangan kerajaan. Sejajar dengan tujuan untuk melaksanakan dasar pendidikan kebangsaan maka Laporan Rahman Talib telah